



JADUAL IMAM/BILAL BERTUGAS PADA 11/1/2008

USTAZ MOHD AMIRUDIN BIN AHMAD - IMAM SATU
 TUAN HAJI AB. RASHID BIN AB. RAHMAN - BILAL SATU

(Tajuk Khutbah : Pemimpin Berjasa Rakyat Sejahtera.)

JADUAL SOLAT HARI INI

SUBUH	SYURUK	ZOHOR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK	IMSAK
5.57	7.19	1.20	4.43	7.20	8.33	5.47

Bil. 2 / 2008

Tarikh : 11 Januari 2008 / 2 Muharam 1429H

PERCUMA

Tazkirah

MENELADANI KEMULIAAN AKHLAK RASULULLAH S.A.W

"*Sesungguhnya telah ada pada (diri) Rasulullah suri teladan yang baik bagimu (yaitu) bagi orang yang mengharap (rahmat) Allah dan (kedatangan) hari kiamat dan dia banyak menyebut Allah*"

Orang yang mengharapkan rahmat dan kasih Allah hendaklah mengikuti jejak Rasulullah Sallallahu 'alaihi Wasallam, kerana pada diri baginda terdapat suri teladan yang baik. Baginda berlaku baik terhadap jiran tetangga, kasih sayang kepada fakir miskin, anak yatim, para janda dan lain-lain, pakar di bidang kenegaraan, peperangan dan politik, mahir di dalam perniagaan dan pertanian, maka seharusnya umat Islam mengikutinya. Baginda sangat benci kepada sifat-sifat sombong, angkuh, berdusta, khianat dan semua sifat-sifat yang buruk, maka umat Islam juga hendaklah mengikutinya. Pendek kata, segala tingkah laku dan keperibadian Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam hendaklah ditiru dan diamalkan di dalam kehidupan ini. Tidak seharusnya umat Islam hanya meniru sebahagian daripadanya yang mudah dan meninggalkan yang dianggapnya sukar. Hendaklah kita mengikuti baginda secara keseluruhan supaya kita menjadi Muslim yang benar-benar mengikuti ajaran dan kepercayaan Islam. Sesungguhnya, keimanan kita adalah diukur sejauh manakah ketaatan kita terhadap Allah dan RasulNya.

Semoga Allah meredhai kita di dalam menegakkan kebenaran dan kebaikan melalui ajaran-ajaran Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam, sehingga Islam benar-benar tegak sebagai agama yang luhur di bumi ini.

BERBUAT BAIK KEPADA ANAK YATIM

Anak yatim ialah anak yang telah kematian bapanya selagi ia belum mencapai usia baligh. Di dalam Islam, anak yatim mempunyai kedudukan tersendiri daripada anak-anak yang mempunyai bapa. Mereka mendapat perhatian yang khusus dari Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam, tidak lain demi untuk menjaga kepentingan hidupnya supaya ia tidak terlantar hingga menjadi manusia yang tidak bertanggungjawab.

Oleh kerana itu, banyak hadis-hadis baginda yang menyatakan betapa mulianya orang yang suka memelihara anak yatim atau berbuat baik terhadapnya. Tetapi suruhan Nabi ini tidak mendapat sambutan dari masyarakat Islam yang kini telah jauh dari ajarannya. Perkara ini tidak sepatutnya dilakukan oleh umat Islam yang inti ajarannya banyak menganjurkan sikap suka tolong-menolong sesama mereka.

Suatu teladan yang harus ditiru yang pernah dilakukan oleh Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam, sebagaimana yang diceritakan oleh Anas bin Malik Radhiallahu 'anhu: "Pada suatu hari raya, Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam keluar menuju solat. Di tengah perjalanan, baginda bertemu dengan sekumpulan kanak-kanak yang sedang bermain-main. Di antara kanak-kanak tersebut, terdapat seorang kanak-kanak yang kelihatan sedih menyebabkan baginda bertanya kepadanya:

"Hai anak, mengapa kamu bersedih hati, enggan ikut bermain bersama-sama kawan-kawanmu?"

Kanak-kanak tersebut tidak tahu bahawa ia sedang berdepan dengan Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam. Lalu dengan linangan airmata ia pun menjawab:

"Wahai pakcik, ayah saya telah gugur dalam peperangan membela Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam. Sekarang ibu saya telah berkahwin lagi. Suaminya telah mengusir saya sedang harta kekayaan saya warisan dari ayah telah habis dimakan oleh ibu. Kini saya tidak mempunyai makanan, minuman, pakaian dan rumah. Oleh kerana itu saya menangis kerana menyesali nasib yang telah menimpa diri saya. Mengapa malapetaka menimpa ayah saya sehingga nasib saya menjadi seperti ini, tidak sebagaimana kawan-kawan yang masih mempunyai ayah."

Mendengar jawapan si anak kecil, hati baginda menjadi hiba lalu baginda bersabda:

"Wahai anak kecil, sukakah jika aku menjadi bapamu, A'isyah menjadi ibumu, Ali menjadi bapa saudaramu, Hasan dan Husin menjadi saudaramu dan Fatimah

30 PUNCA KEBAHAGIAAN HIDUP

Bab 21 : Ucapkan Takziah Kepada Orang Yang Tertimpa Musibah

APABILA anda menoleh ke arah kanan dan ke arah kiri, maka anda pasti melihat orang yang tertimpa musibah dan anda pasti akan menyaksikan orang yang sedang mengalami kesusahan. Dalam setiap rumah ada orang yang meraung. Di atas pipi terdapat titisan air mata dan pada setiap lembah terdapat Bani Sa'ad, yang pernah dimasukkan ke dalam lembah.

Wahai orang yang suka mencela dan selalu merentas masa: Apakah hanya anda yang selamat dan paling sempurna.

Berapa banyak musibah yang melanda? Berapa banyak orang yang mesti bersabar? Bukan hanya anda saja yang tertimpa musibah, bahkan musibah yang menimpa anda itu adalah sangat sedikit apabila dibandingkan dengan orang lain. Berapa banyak orang yang sedang sakit di atas katilnya bertahun-tahun lamanya, sementara dia hanya dapat berbolakbalik ke

Bersambung di m/s 3 >>>

<<< sambungan dari m/s 1

menjadi saudara perempuanmu?" Kanak-kanak itu terperanjat mendengar jawapan tersebut, lalu ia sedar bahawa ia sedang berdepan dengan Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam. Dengan gembira ia pun berkata:

"Mengapa tidak suka, ya Rasulullah?"

Sejak itu ia menjadi tanggungan Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam di mana baginda mengasuhnya sebagaimana baginda mengasuh keluarga baginda sendiri, memberikannya pakaian, makanan dan semua keperluannya dengan baik. Kanak-kanak tersebut tidak bersedih lagi kerana sentiasa mendapat kasih sayang dari Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam."

Kejadian di atas merupakan suri teladan yang patut ditiru. Betapa besar budi baginda, yang telah memberi contoh kepada umatnya bagaimana seharusnya berbuat baik terhadap anak-anak yatim. Padahal tugas yang dihadapi oleh Nabi bukanlah kecil. Baginda perlu berdakwah setiap saat untuk menyampaikan ajaran-ajarannya. Baginda seorang ketua negara, panglima tentera yang tidak boleh lepas dari tugas-tugas ketenteraan. Namun, kesibukannya itu bukan merupakan alasan untuk tidak memikirkan nasib anak yatim. Demikianlah kebesaran akhlak Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam sebagai contoh agar ia diamalkan oleh umatnya kelak di kemudian hari. Oleh kerana itu, banyak hadis-hadis baginda yang menyatakan betapa mulianya orang yang berbuat baik terhadap anak-anak yatim.

Dari Sahl bin Sa' ad Radhiallahu 'anhu katanya bahawa Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam pernah bersabda:

"Aku dan orang yang menanggung (memelihara) anak yatim (dengan baik) ada di syurga bagaikan ini..(sambil memberi isyarat dengan merentangkan kedua-dua jari telunjuk dan jari tengahnya). "

(Riwayat Bukhari)

Seorang wanita yang kematian suami dan mem-

punyai anak kecil yang belum baligh, maka berdasarkan hadis di atas ia dijamin masuk syurga sekiranya ia memelihara anaknya itu dengan sebaik-baiknya. Sebaliknya, jika ia lalai melaksanakan tugas menjaga dan mendidik anaknya sehingga mengakibatkan kerugian bagi anak tersebut, ia pasti mendapat hukuman yang berat di akhirat kelak.

Dalam *Tafsir al-Qurthubi* yang bersumber dari Abu Sa'id al-Khudri ada diceritakan bahawa ketika Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam melakukan mi'raj, baginda melihat segolongan manusia yang mempunyai bibir seperti bibir unta. Setiap orang dari mereka disumbat mulutnya dengan batu besar secara paksa, hingga keluarlah batu itu melalui dubur mereka. Melihat kejadian aneh tersebut, baginda bertanya kepada Jibril Alahissalam:

"Wahai Jibril, siapakah mereka itu?"

Jibril menjawab: "Mereka adalah orang-orang yang memakan harta anak yatim secara zalim." Allah Subhanahu wa Ta'ala telah memberikan petunjuk mengenai cara-cara mempergauli anak-anak yatim dengan baik, sebagaimana firmanNya:

"Dan mereka bertanya kepadamu tentang anak yatim, katakanlah: Mengurus mereka secara patut adalah lebih baik, dan jika kamu bergaul dengan mereka, maka mereka adalah saudaramu, dan Allah mengetahui siapakah yang membuat kerosakan dari yang mengadakan perbaikan. Dan jikalau Allah menghendaki, nescaya Dia mendatangkan kesulitan kepadamu. Sesungguhnya Allah Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana."

(Surah al-Baqarah:220)

Demikianlah kewajiban setiap umat Islam di dalam berbuat baik kepada anak-anak yatim. Kita tidak boleh berpeluk tubuh serta membiarkan anak-anak yatim hidup dalam keadaan terlantar. Kita hendaklah mengikuti cara-cara bagaimana Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam berbuat baik terhadap anak-anak yatim.

arah kanan dan ke arah kiri merintih dan mengeluh kesakitan dan berteriak sambil meluahkan keluhan.

Berapa banyak orang yang tertahan selama bertahun-tahun tidak dapat melihat matahari terbit dan tenggelam dan tidak dapat mengenal apa-apa melainkan tahanannya saja. Berapa banyak pemuda dan pemudi yang telah kehilangan masa mudanya, sebab mereka telah meninggal dunia sebelum mengecap masa muda yang sangat indah dan penuh dengan kenangan.

Berapa banyak orang yang tertimpa musibah, terhutang, sedih dan dilanda pelbagai bala bencana.

Sudah tiba saatnya bagi anda untuk mengucapkan takziah kepada mereka. Anda juga mesti mengetahui dengan yakin bahawa kehidupan ini adalah sebagai penjara bagi orang yang beriman dan sebagai tempat dan gudang bagi segala kesedihan dan bala bencana. Pada waktu pagi, semua istana dipenuhi dengan penghuninya yang sangat ramai.

Sementara ketika datang waktu petang, semua isi dan penghuni istana yang megah itu kosong dan tidak ada yang menempatnya. Ketika suatu kelompok membuat suatu kekuatan, badan dalam keadaan sihat, harta melimpah ruah dan dikurniai harta banyak. Kemudian semua itu hanya bersifat sementara saja. Tiba-tiba datang masa kefakiran, kematian, perpisahan dan pelbagai penyakit berdatangan menyapa kita. Allah S.W.T. berfirman:

"Dan telah nyata bagimu bagaimana Kami telah berbuat terhadap mereka dan telah Kami berikan kepadamu beberapa perumpamaan. "

(Ibrahim: 45)

Kewajipan anda adalah memantapkan jiwa anda dan mengukuhkannya seperti kekuatan seekor unta

Bersambung di m/s 4 >>>

Belajar Bahasa Arab

Bersama : Ustaz Haji Fazly bin Haji Yaacob

Pelajaran Tiga Ratus Empat Puluh Empat.

التَّعَاذِي

Ucapan Takziah

أحمد : يَيْدُو أَنْكَ لَيْسَ عَلَيَّ مَا يُرَامُ.

Kelihatan awak berada dalam keadaan yang kurang baik.

رَمَلِي : صَحِيحٌ، أَنَا مُصَابٌ بِالْحُمَّى وَارْتَفَعَتْ حَرَارَةُ جِسْمِي.

Betul, saya menghidapi demam dan suhu badan saya meningkat.

أحمد : الشِّفَاءُ عَاجِلًا بِإِذْنِ اللَّهِ.

Semoga lekas sembuh dengan izin Allah.

عَائِشَةُ : شُكْرًا يَا أَخِي.

Terima kasih saudara.

الْعِبَارَاتُ :

الشِّفَاءُ عَاجِلًا بِإِذْنِ اللَّهِ.

Moga lekas sembuh dengan izin Allah.

SIDANG REDAKSI

PENGERUSI

Y.A.B. Datuk Seri Hj. Mohd. Ali bin Mohd. Rustam
(Ketua Menteri Melaka)

PENAUNG

Y.B Tuan Hj. Abd. Wahab Bin Abd. Latif
(Timbalan Pengerusi MAIM)

PENASIHAT

Datuk Alias Bin Mad Saad
(Pengarah JAIM)

KETUA PENGARANG

Al-Fadil Tn. Hj. Mohammad
bin Hashim
(Imam Besar Masjid Negeri Melaka)

EDITOR

Hj. Ab. Rashid bin Ab. Rahman
(Bilal Satu)

PENGARANG/PENGEDAR/ SIMPANAN

Ustaz Mohd Amirudin bin Ahmad
(Imam Satu)

Tuan Hj. Yaacob bin Abd. Majid
(Imam Rawatib Masjid Negeri Melaka)

Pn. Mahaniza Binti Mahat
(Pembantu Tadbir)

Mohd Aidiel bin Jaafar (Noja)
Hj. Borhan Benjamin bin Abdullah
(Penyambut Tetamu)

JADUAL KELAS PENGAJIAN MASJID AL-AZIM MELAKA

HARI/MASA	SUBUH	ZOHOR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
ISNIN		2.30 Ptg. Kelas Asas Al-Quran Kanak-Kanak	5.00 Ptg. Al-Quran Wanita Tn. Hj. Ab. Rashid b. Ab. Rahman	7.30 Mlm. Tn. Hj. Zakaria b. Lemat (Mustika Hadis)	
SELASA		2.30 Ptg. Kelas Asas Al-Quran Kanak-Kanak	5.00 Ptg. Al-Quran Wanita Tn. Hj. Ab. Rashid b. Ab. Rahman	7.30 Mlm. Fekah Datuk Wira Hj. Rashid Redza b. Md. Salleh	Pengajian Asas Taranum Tn. Hj. Ramli b. Dollah
RABU		2.30 Ptg. Kelas Asas Al-Quran Kanak-Kanak		7.30 Mlm. Fekah/Sirah Tn. Hj. Ali Umar	
KHAMIS		2.30 Ptg. Kelas Asas Al-Quran Kanak-Kanak		7.30 Mlm. Majlis Bacaan Yasin & Tahlil	
JUMAAT		2.30 Ptg. Fardu Ain Ust. Halimah		7.30 Mlm. Tauhid/Al-Quran Tuan Hj. Mohammad b. Hashim	Kelas Berzanji Tn. Hj. Abdul Latip b. Joned
SABTU	6.00 Pg. Kuliah Subuh Tn. Hj. Abd. Rahim b. Khalik 8.00 Pg. Kelas Pengajian Tahfiz Kanak-kanak	2.30 Ptg. Kelas Pengajian Tahfiz Kanak-kanak		7.30 Mlm. Hadis Tn. Hj. Ibrahim b. Abdul Hamid	Kelas Bahasa Arab Ust. Fazly b. Hj. Yaacob
AHAD	6.00 Pg. Kuliah Subuh Datuk Hj. Mohamad b. Amat 8.00 Pg. Kelas Pengajian Tahfiz Kanak-kanak 9.00 Pg. Tafsir Datuk Hj. Idris Al-Hafiz	2.30 Ptg. Kelas Pengajian Tahfiz Kanak-kanak		7.30 Mlm. Tafsir Tn. Hj. Abd. Rahim b. Chalik	

< < sambungan dari m/s 3

yang duduk di atas batu yang panas. Kewajipan anda juga adalah membandingkan musibah dengan orang-orang yang berada di sekeliling anda dengan orang yang terdahulu sepanjang sejarah. Hal ini supaya nampak dengan jelas bahawa anda berada dalam keadaan sejahtera dibandingkan dengan mereka.

Musibah yang datang kepada anda hanyalah sebuah teguran kecil. Oleh itu, maka pujilah Allah dan bersyukurlah kepadaNya atas apa yang telah disisakan. Haraplah ganjaran pahala daripadaNya dan ucapkan takziah kepada orang yang sedang tertimpa musibah di sekeliling anda.

Jika seandainya tidak terlalu banyak orang yang menangis di sekelilingku kepada para sahabat mereka, nescaya aku akan membunuh diriku sendiri.

Rasulullah S.A.W. adalah ikutan dan teladan yang baik bagi anda. Pada suatu hari, tahi unta pernah diletakkan di atas kepalanya. Kedua kakinya pernah bengkak dan berbisul. Dahinya pernah dilukai dan baginda pernah dipulau dan dikepung di lembah Makkah, sehingga baginda memakan daun pohon untuk menutupi rasa laparnya.

Baginda juga pernah diusir dari Makkah, kedua giginya pernah dipatahkan dan isteri kesayangannya pernah dituduh melakukan hal-hal yang tidak baik. Bahkan di antara sahabat baginda ada yang terbunuh sebanyak tujuh puluh orang pada peperangan Badar,

anak lelaki kesayangannya meninggal dunia dan baginda banyak mempunyai anak perempuan dalam sejarah kehidupannya.

Baginda pernah mengikat perutnya kerana lapar dan tidak menemukan makanan. Baginda pernah dituduh sebagai seorang penyair, tukang sihir, bomoh, orang gila dan sebagai seorang pendusta. Akan tetapi Allah telah memeliharanya daripada yang demikian. Ini adalah sebuah cubaan yang mesti dijalani. Ini juga adalah sebagai latihan yang tidak ada seorang pun yang sanggup menandinginya.

Sebelumnya Nabi Zakaria a.s. dibunuh, Nabi Yahya a.s. disembelih, Nabi Musa a.s berhijrah dan Nabi Ibrahim diletakkan ke dalam api yang panas membara. Para tokoh agung Islam juga mengalami cubaan yang serupa. Umar dibunuh oleh hamba sahayanya, Uthman dibunuh oleh para pemberontak dan Ali dibunuh dan ditusuk. Tulang belakang para alim ulama disebat, orang-orang yang pandai ditahan dan dipenjarakan sementara orang yang bersikap baik diseksa. Allah S.W.T. berfirman:

"Apakah kamu mengira bahwa kamu akan masuk syurga, padahal belum datang kepadamu (cobaan) sebagaimana halnya orang-orang terdahulu sebelum kamu? Mereka ditimpa oleh malapetaka dan kesengsaraan, serta digoncangkan (dengan bermacam-macam cubaan).

(Al-Baqarah: 214)